

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
KAWASAN : SIBUTI

SOALAN:

YB. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status baik pulih jalan raya Saeh yang dibina melalui projek Jiwa Murni sepanjang 16km dan adakah pihak JKR sudah mengenal pasti kaedah menurap semula jalan tersebut.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membaik pulih dan menurap Jalan Sg. Saeh, Bekenu ialah projek Kerajaan Negeri Sarawak yang dilaksanakan oleh JKR Negeri. Kementerian ini dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM30 juta untuk melaksanakan projek tersebut. Skop projek ini antara lain melibatkan turapan aspal jalan mengikut piawaian reka bentuk jalan JKR. Pada masa kini JKR Sarawak telah mengeluarkan tawaran tender kepada petender di mana tarikh tutup tender ialah pada 2 November 2016.

Sekian. Terima kasih.

9

NO. SOALAN: 166

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]

RUJUKAN : 9432

SOALAN:

TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah peruntukan yang telah digunakan oleh Kerajaan bagi memulihkan penagihan dadah dalam kalangan masyarakat sejak tahun 2013 hingga sekarang dan berapakah jumlah peruntukan digunakan untuk program-program kesedaran anti dadah seluruh negara.

JAWAPAN:

Jumlah perbelanjaan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang digunakan khusus untuk pelaksanaan program rawatan dan pemulihan dadah kepada klien di pusat pemulihan dan yang sedang menjalani program rawatan dan pemulihan komuniti bagi tempoh 3 tahun iaitu dari 2013 hingga 2015 adalah sebanyak

RM8,091,838.32.

Manakala, jumlah perbelanjaan bagi program-program kesedaran antidadah dan program pendidikan pencegahan bagi tempoh yang sama adalah sebanyak RM17,676,317.57.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN
DARIPADA BUJANG [SIBUTI]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah murid yang tidak menamatkan pendidikan sehingga tingkatan 5 dan berapa ramaikah pelajar habis UPSR tidak menyambung pelajar ke peringkat sekolah menengah atas alasan kemiskinan sejak 2013 hingga sekarang.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sehingga 31 Januari 2016 menunjukkan seramai 929 orang murid Tingkatan 5 tidak menamatkan pendidikan manakala 2,198 orang murid tingkatan 1 pula tidak menyambung pendidikan ke peringkat menengah sama ada di sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan atau sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM. Namun begitu, data tersebut tidak meliputi status sosio ekonomi murid-murid tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]

SOALAN :-

Y.B. Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai permohonan APDL (Advertising Permit and Developer License) pemaju-pemaju swasta mengikut negeri, termasuk jumlah belum diluluskan dan nilai GDV. Senaraikan juga permohonan dan kelulusan Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) mengikut pecahan negeri berserta kos sejak 2010.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menerima sebanyak 833 permohonan *Developer License and Advertising Permit* (APDL) baharu dari 1 Januari 2016 hingga 31 Ogos 2016.

Daripada jumlah tersebut 407 permohonan APDL telah diluluskan, 352 permohonan masih dalam pelbagai peringkat proses sebelum kelulusan APDL diberi.

Negeri Selangor mencatatkan kelulusan APDL paling tinggi iaitu sebanyak 117 kelulusan dan diikuti oleh Negeri Johor (60), Perak (53), Pahang (44) dan Pulau Pinang (28).

Kelulusan APDL baharu pemaju swasta mengikut pecahan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dari 1 Januari 2016 hingga 31 Ogos 2016 adalah seperti berikut:-

BILANGAN PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN, PERMIT IKLAN & JUALAN BAGI BULAN JANUARI-OGOS 2016			
NEGERI	BARU	PEMBAHARUAN	JUMLAH
Johor	60	183	243
Kedah	15	43	58
Kelantan	13	14	27
Melaka	15	40	55
Negeri Sembilan	17	52	69
Pahang	44	113	157
Pulau Pinang	28	86	114
Perak	53	120	173
Perlis	4	3	7
Selangor	117	239	356
Terengganu	16	28	44
Wilayah Persekutuan K.Lumpur	23	56	79
Wilayah Persekutuan Putrajaya	2	7	9
JUMLAH	407	984	1,391

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi tempoh yang sama Kementerian telah menerima sebanyak 35 permohonan APDL baharu bagi projek pemajuan di Negeri Pulau Pinang dan 22 permohonan telah diberi

kelulusan APDL. Baki 13 permohonan masih dalam peringkat pemprosesan kerana dokumen permohonan yang dikemukakan tidak lengkap.

Dalam hubungan ini, pihak Kementerian ingin menegaskan bahawa tidak timbul sebarang isu bagi pihak KPKT untuk meluluskan permohonan APDL bagi pemajuan di Negeri Pulau Pinang. Walaubagaimanapun, pemaju hendaklah memastikan dokumen-dokumen yang disertakan adalah lengkap dan teratur mengikut senarai semak atau garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT meneruskan kesinambungan pelaksanaan program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) daripada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar mulai tahun 2013. Bermula dari tahun 2013 sehingga September 2016, sebanyak 290 projek TP1M telah dilaksanakan dengan jumlah kos sebanyak RM134.02 juta. Perincian pelaksanaan TP1M beserta kos mulai tahun 2013-2016 mengikut pecahan negeri adalah seperti di **Lampiran A**.

STATISTIK PELAKSANAAN TP1M TAHUN 2013 HINGGA 2016

Bil	Negeri	2013		2014		2015		2016		JUMLAH		
		Bil. Projek	Kos (RM juta)	Bil. Projek	Kos (RM juta)	Bil. Projek	Kos (RM juta)	Bil. Projek	Kos (RM juta)	Bil. Projek	Kos (RM juta)	Peratus (%)
1	Johor	16	4.5	39	9.6	31	16.5	3	0.91	89	31.51	23.5
2	Kedah	1	0.18	1	1.97	0	0	0	0	2	2.15	1.6
3	Kelantan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.0
4	Melaka	6	1.31	4	1.54	6	2.95	3	0.49	19	6.29	4.7
5	N.Sembilan	1	0.24	3	0.63	5	7.19	2	0.68	11	8.74	6.5
6	Pahang	0	0	0	0	0	0	4	0.55	4	0.55	0.4
7	Perak	13	1.68	3	0.61	5	1.27	4	0.5	25	4.06	3.0
8	Perlis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.0
9	P.Pinang	4	0.96	13	7.25	12	12.52	0	0	29	20.73	15.5
10	Sabah	0	0	0	0	3	1.19	2	0.56	5	1.75	1.3
11	Sarawak	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0.0
12	Selangor	0	0	7	5.64	0	0	0	0	7	5.64	4.2
13	Terengganu	0	0	10	9.08	2	1.68	0	0	12	10.76	8.0
14	WP K. Lumpur	56	23.95	15	8.56	13	6.74	1	0.29	85	39.54	29.5
15	WP Putrajaya	0	0	1	1.61	1	0.69	0	0	2	2.3	1.7
16	WP Labuan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		97	32.82	96	46.49	78	50.73	19	3.98	290	134.02	